



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PERLUASAN KOD PEMFAILAN BAGI PENGURUSAN KES SECARA E-REVIEW
DI MAHKAMAH TINGGI, MAHKAMAH SESYEN DAN MAHKAMAH MAJISTRET
DI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA**

Badan Kehakiman Malaysia telah memperkenalkan Sistem Pengurusan Kes Secara e-Review mulai Mac 2019 kepada para peguam dan pemegang taruh yang bertujuan untuk mengendalikan pengurusan kes sivil secara lebih mudah dan cepat selain menjimatkan masa dan kos.

Sistem e-Review adalah satu platform dalam Case management System (CMS) yang digunakan antara Mahkamah dengan pihak-pihak untuk menjalankan pengurusan kes secara dalam talian melalui pertukaran mesej bertulis tanpa perlu menghadirkan diri ke Mahkamah.

Berdasarkan **Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 1 Tahun 2020 Pengurusan Kes Sivil Sebelum Bicara**, yang berkuat kuasa pada 1 Februari 2020, e-Review digunakan untuk pengurusan kes berikut:

- (i) Kes Writ di Mahkamah Tinggi;
- (ii) Kes Saman Pemula di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret;
- (iii) Kes Rayuan dari Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret ke Mahkamah Tinggi;
- (iv) Mediasi; dan
- (v) Kes Perakuan Segera

Sehubungan dengan itu, bagi keseragaman pengurusan kes sivil sebelum bicara selain kesinambungan akses kepada keadilan, Badan Kehakiman Malaysia akan memperluaskan pengurusan kes sivil secara e-Review yang melibatkan 40 kod pemfailan kes di Mahkamah Tinggi, 6 kod pemfailan kes di Mahkamah Sesyen dan 4 kod pemfailan kes di Mahkamah Majistret. Dengan perluasan ini, pengurusan kes sivil secara e-Review akan merangkumi semua jenis kes kecuali kes-kes pelaksanaan dan tuntutan kecil.

Perluasan kod pemfailan kes sivil ini adalah selaras dengan **Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bilangan 1 Tahun 2021 Tambahan kepada Arahan Amalan Hakim Besar Malaya Bil. 1 Tahun 2020 Mengenai Pengurusan Kes Sivil Secara e-Review** yang akan berkuat kuasa pada 4 Januari 2021.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 23 Disember 2020